

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

12. Pengambilan dadah di kalangan remaja kian meningkat terutama murid sekolah menengah.
- (a) Selain daripada kempen kesedaran, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak-pihak terlibat misalnya Jabatan Pendidikan, Polis, sekolah dan lain-lain?
- (b) Apakah kerjasama antara pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan pihak sekolah yang perlu dipertingkatkan untuk membanteras kegiatan pengambilan dadah di kalangan murid?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

12. (a) Gejala pengambilan dadah di kalangan remaja semakin tahun semakin meningkat sama ada di peringkat negeri mahupun negara. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk menangani isu ini antaranya adalah kempen kesedaran remaja melalui lawatan oleh Pegawai Perhubungan Sekolah (Polis) ke sekolah-sekolah bagi menerangkan bahaya pengambilan dan pengedaran dadah. Disamping itu, pihak PDRM melalui pegawai-pegawai yang terlatih akan datang membincangkan permasalahan berkaitan aktiviti penyalahgunaan dadah selain merangka program mengikut kesesuaian murid dengan guru-guru disiplin sekolah.

Jabatan Pendidikan Negeri melalui sekolah-sekolah pula kerap menjalankan ujian air kencing kepada para pelajar dimana ujian ini akan dibuat bersama-sama pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Bagi pelajar yang positif dadah, kaunseling akan diberikan oleh guru kaunseling dan pelajar-pelajar ini juga akan menjalani Program Intervensi oleh pihak AADK dimana dalam program ini, pelajar terlibat akan sentiasa diberi motivasi dan pendidikan tentang bahayanya dadah untuk masa depan mereka. Selain daripada Sambutan Minggu Anti dadah yang diadakan dalam bulan Februari, pendidikan tentang ancaman dadah dijalankan secara berterusan dalam Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa). Pihak sekolah juga menyediakan poster-poster berkaitan ancaman dadah di sudut-sudut yang dikhaskan dan menjadi laluan utama para pelajar. Tujuannya adalah agar para pelajar sentiasa berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan dadah.

- (b) Kerjasama pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan pihak sekolah sememangnya telah terjalin sejak awal penubuhan AADK sekitar tahun 1983 lagi. Namun, walaupun ada kerjasama di antara kedua pihak namun ada beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan lagi memandangkan wabak pengambilan dadah ini semakin tahun semakin meningkat terutama sekali kes-kes yang melibatkan kalangan remaja negara ini. Antara program kerjasama yang boleh dipertingkatkan lagi antara dua jabatan adalah Program Lawatan ke rumah-rumah murid yang positif dadah dijalankan secara berkala disamping memberi kata-kata positif yang dapat menjadi dorongan untuk murid tersebut untuk berubah. Selain itu juga Program Kemahiran Keibubapaan oleh pihak AADK bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh diadakan di sekolah bagi memupuk rasa cintakan keluarga bagi membendung aktiviti tidak bermoral ini.